

Pelaksanaan Program j-QAF Mengikut Persepsi Pensyarah dan Pelajar

Hj. Ghazali Hj.Darusalam, Ph.D
(Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Profesionalisme)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti status pelaksanaan program j-QAF di institut perguruan seperti yang dirancang dan tugas-tugas tambahan yang dilaksanakan oleh guru j-QAF di sekolah. Sampel terdiri daripada 834 orang guru j-QAF yang sedang mengikuti pengajian secara KDC, sedang berkhidmat di sekolah rendah seluruh negara dan 40 orang pensyarah j-QAF yang bertugas di institut perguruan. Hasil kajian menunjukkan pensyarah j-QAF menyatakan pemilihan guru j-QAF adalah memenuhi kriteria yang ditetapkan. Modul yang dibekalkan dapat membantu pensyarah melaksanakan tugas pengajaran kepada guru j-QAF. Guru j-QAF harus mempertingkatkan komitmen mereka kerana min item yang berkaitan dengan kepatuhan terhadap tugas, ketepatan masa dan penyempurnaan tugas institut agak rendah, jangka masa kursus program j-QAF perlu disemak semula. Guru pelatih menyatakan terdapat tugas-tugas tambahan seperti guru ganti, menjaga kebersihan sekolah, menyediakan pentas bagi acara rasmi, mengawas disiplin murid, menceriakan bilik darjah dan menganggotai ahli jawatankuasa, namun tidaklah kerap sangat dilaksanakan.

ABSTRACT

This aims of this research are to identify the implementation status of j-QAF program in Teacher Training Institutes and other duties carried out by j-QAF teachers in schools. Samples were 834 j-QAF students undergoing the KDC program who are in-service teachers in primary schools throughout Malaysia and 40 j-QAF teacher Training Institute lecturers. The research showed that j-QAF lecturers agreed that the selection of j-QAF teachers fulfilled the criteria specified. The module was able to help lecturers in the teaching process. The results also showed that j-QAF teachers had to improve their commitment because the mean on assignment's adherence, punctuality and assignment completion was low. Time frame for the j-QAF program had to be revised. The trainees commented that though not so frequent, they had to undertake other duties such as becoming a substitute teacher, planning a conducive classroom and becoming committee members in school programs.

PENGENALAN

Program j-QAF atau "j" bermaksud Jawi, "Q" bermaksud al-Qur'an, "A" bermaksud Bahasa Arab dan "F" bermaksud Fardhu Ain adalah antara usaha memperkasa Pendidikan Islam dalam pelaksanaan Kurikulum Semakan Pendidikan Islam. Program j-QAF ini merupakan hasil idea YAB Perdana Menteri Malaysia yang berhasrat melahirkan murid di sekolah rendah yang khatam al-Quran. Beliau juga menyarankan Pendidikan Bahasa Arab diwajibkan, asas-asas Fardhu Ain dihayati dan Pelajaran Jawi diperkukuhkan bermula di sekolah rendah. Tanggungjawab untuk melaksanakan program ini dipikul oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan usaha merealisasikannya oleh Jabatan Pelajaran Islam dan Moral.

Pelbagai jenis model dalam program j-QAF telah dicadangkan seperti kelas pemulihan Jawi, Model Tasmik, khatam al-Quran model enam bulan, peluasan Bahasa Arab Komunikasi dan model Bestari Solat yang sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah sejak tahun 2005 secara berperingkat-peringkat sehingga terlaksana sepenuhnya pada tahun 2010.

Konsep Program j-QAF

Program j-QAF merupakan suatu usaha memperkasakan sistem Pendidikan Islam (PI) melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah. Pelaksanaan program j-QAF bertujuan untuk memperkasakan lagi tiga subjek teras Pendidikan Islam iaitu Kemahiran Jawi, Pembacaan Al-Quran, penguasaan Bahasa Arab Komunikasi dan pemantapan amalan-amalan ibadah Fardhu Ain. Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum, model dan modul yang tersendiri. Oleh itu latihan perguruan perlu dirangka untuk membolehkan guru-guru ini dapat melaksanakan proses pemulihan, bimbingan, penguasaan kemahiran, pengukuhan dan penghayatan murid. Pelaksanaannya menggunakan peruntukan jadual waktu sedia ada.

Tugas-Tugas Lain Guru j-QAF

Semua guru tertakluk kepada tanggungjawab sampingan yang sememangnya wujud di sekolah. Tugas sampingan adalah untuk memantapkan pelaksanaan pengurusan sekolah oleh pihak pentadbir. Tugas-tugas ini adalah tugas yang selain dari tugas kurikulum dan kokurikulum seperti terlibat dengan jawatankuasa PIBG, jawatankuasa komuniti, jawatankuasa surau atau masjid, jawatankuasa keselamatan kampung dan sebagainya. Guru-guru j-QAF tidak akan terlepas dari fenomena dan tanggungjawab ini seperti mana guru-guru lain khususnya guru pendidikan Islam.

Pemantauan Dan Bimbingan

Pegawai-pegawai j-QAF peringkat pusat dan negeri menjalankan pemantauan secara berterusan untuk memberi bimbingan bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan program ini. Laporan pemantauan akan dibuat dari semasa ke semasa mengikut keperluan bagi mengenal pasti kelemahan dan kekuatan program tersebut untuk diambil tindakan sewajarnya.

Pelaksanaan j-QAF

Pelaksanaan projek j-QAF yang sedang dirancang sudah tentunya akan memberi pelbagai implikasi terhadap sistem Pendidikan Islam itu sendiri termasuklah kurikulum, jadual waktu dan perjawatannya. Dari segi kurikulumnya projek j-QAF lebih bersifat penambahbaikan terhadap pelajaran pendidikan Islam itu sendiri. Penambahan terhadap beberapa kemahiran dan amalan Islam ini membawa kepada penambahan keperluan tenaga guru dan guru pembimbing. Program yang dilaksanakan ini tidak boleh dibebankan kepada guru Pendidikan Islam yang sedia ada. Oleh itu jawatan secara hakiki telah diwujudkan secara berperingkat-peringkat. Keperluan sumber tenaga pengajar ini sangat penting untuk melaksanakan keperluan dan struktur dalam Program j-QAF khususnya keperluan guru Bahasa Arab, Guru pemulihan jawi dan guru berkemahiran al-Quran. Implikasi utama adalah kepada latihan perguruan. Peranan ini dipertanggungjawabkan kepada Institut-Institut Perguruan Malaysia yang dipilih bagi melatih guru-guru j-QAF seluruh negara.

Bahagian Pendidikan Guru berfungsi sebagai agensi latihan yang telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan guru terlatih secara berperingkat melalui Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) Mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS). Dengan ini BPG melaksanakan tindakan-tindakan berikut :

- a) Menyediakan kurikulum, model dan modul latihan guru
- b) Menguruskan pemilihan calon guru
- c) Melaksanakan latihan KPLI Mod LPBS di Institut Perguruan dan di sekolah-sekolah
- d) Menguruskan dan mengesahkan pensijilan guru
- e) Menyediakan bajet latihan.

Sebanyak 24 daripada 27 buah Institut Perguruan Malaysia telah dipilih untuk melaksanakan program j-QAF. Penglibatan pensyarah khususnya di Jabatan Pengajian Islam bukan sahaja berfungsi sebagai fasilitator, juga berperanan sebagai *key-personal* melatih bakal-bakal guru j-QAF dan guru pembimbing j-QAF.

RASIONAL KAJIAN

Mengikut Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF (2004), program j-QAF yang dilaksanakan perlu dipastikan keberkesanan pelaksanaannya. Sehubungan itu, pemantauan pelaksanaan program perlu dibuat untuk melihat sejauh mana program yang dirancang memenuhi matlamat kurikulum yang disasarkan, keperluan sumber manusia dan kecekapan pentadbiran dari aspek mengenal pasti masalah, keperluan program dan mengambil tindakan sewajarnya bagi tujuan penambahbaikan.

Buku Panduan Pelaksanaan Program j-QAF ada menyarankan agar aktiviti pemantauan bersepadu program j-QAF dengan melaksanakan satu kajian terperinci menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan soal selidik responden terdiri daripada para peserta program, pensyarah dan pentadbir. Lokasi kajian yang dicadangkan dipilih mengikut zon agar data-data yang diperolehi adalah menyeluruh.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk mengetahui:

1. Status pelaksanaan program j-QAF di institut perguruan seperti yang dirancangan.
2. Tugas-tugas tambahan yang dilaksanakan oleh guru j-QAF di sekolah.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian secara khusus adalah seperti berikut:

1. Sejauh manakah pelaksanaan program j-QAF di institut perguruan seperti yang dirancangan?
2. Apakah tugas-tugas tambahan yang dilaksanakan oleh guru j-QAF di sekolah?

METODOLOGI KAJIAN

Sampel

Kajian ini memfokuskan kepada 834 orang guru program j-QAF yang sedang mengikuti pengajian mereka secara GDL-KDC yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara dan 40 orang pensyarah j-QAF yang bertugas di institut perguruan. Sampel dipilih secara rawak berstrata mengikut enam zon di seluruh Malaysia iaitu Zon Utara, Institut Perguruan Darul Aman dan Institut Perguruan Tuanku Bainun. Zon Tengah, Institut Perguruan Ipoh dan Institut Perguruan Islam, dan Institut Bahasa Melayu Malaysia. Zon Selatan, Institut Perguruan Perempuan Melayu, Melaka dan Institut Perguruan Batu Pahat. Zon Timur, Institut

Perguruan Kota Bharu dan Institut Perguruan Sultan Mizan. Zon Sarawak, Institut Perguruan Batu Lintang dan Institut Perguruan Tun Abdul Razak, Kota Samarahan serta Zon Sabah Institut Perguruan Keningau dan Institut Perguruan Gaya, Kota Kinabalu.

Instrumen Kajian

Instrumen utama kajian ini adalah dua set soal selidik yang dibina, mencakupi soal selidik terhadap pensyarah institut perguruan dan guru pelatih j-QAF. Kajian rintis bagi instrumen pensyarah yang mengajar program j-QAF telah dijalankan di lima buah negeri iaitu Kedah, Perak, Selangor, Sabah dan Sarawak dengan mengambil tujuh sampel bagi setiap negeri menjadikannya sebanyak 35 responden. Kebolehpercayaan Alpha instrumen pensyarah dengan lapan item adalah 0.71. Kajian rintis bagi instrumen guru pelatih program j-QAF telah dijalankan di enam negeri iaitu Pulau Pinang, Perak, Terengganu, Johor, Sabah dan Sarawak dengan mengambil lima sampel bagi setiap negeri menjadikannya sebanyak 30 responden. Kebolehpercayaan Alpha instrumen guru pelatih dengan 15 item adalah 0.88.

Analisis Data

Soal selidik yang dikumpul diproses dengan menggunakan perisian komputer SPSS versi 12.1. Dapatan kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu min dan sisihan piawai.

DAPATAN KAJIAN

Disebabkan kajian ini memfokuskan kepada ‘pelaksanaan program’ bagi menentukan pembolehubah-pembolehubahnya berada dalam ‘landasan yang betul’ atau ‘telah mencapai matlamatnya’ maka petunjuk min negatif (< 4 – berdasarkan lima skala Likert) sebagai indikator hasil dapatan yang dianggap ‘kurang dilaksanakan’ sahaja akan dihuraikan. Manakala petunjuk min positif (> 4 – berdasarkan lima skala Likert) yang dianggap telah ‘berada pada pelaksanaan yang betul’ tidak akan dihuraikan dalam laporan kajian ini.

Soalan Kajian 1

Sejauh manakah pelaksanaan program j-QAF di institut perguruan seperti yang dirancangkan?

Berdasarkan keputusan dalam Jadual 3, pensyarah program j-QAF berpendapat bahawa pemilihan guru-guru j-QAF adalah memenuhi kriteria yang ditetapkan. Ini dibuktikan oleh min item satu dan min item lapan adalah masing-

masing bernilai 4.1 dan 4.0. Seterusnya modul yang dibekalkan juga telah dapat membantu pensyarah melaksanakan tugas pengajaran kepada guru-guru j-QAF. Di samping itu, pensyarah-pensyarah berpendapat pada keseluruhannya guru-guru j-QAF yang mengikuti kursus di institut perguruan harus mempertingkatkan lagi komitmen mereka kerana min item-item yang berkaitan dengan kepatuhan terhadap tugas, ketepatan masa dan penyempurnaan tugas institut berada antara nilai 3.5 sehingga 3.9. Pensyarah juga berpendapat jangka masa kursus program j-QAF perlu disemak semula. Ini adalah kerana min bagi item tiga adalah 3.5 sahaja.

Jadual 3 Pelaksanaan program j-QAF di institut perguruan

Pentadbiran Pelaksanaan j-QAF oleh Pensyarah	Jumlah (STS, TS & KS)	Jumlah (S & SS)	Min	SP
1. Penetapan opsyen sesuai dengan bidang akademik	10.0 (4)	90.0 (36)	4.1	0.64
2. Modul j-QAF membantu melaksanakan proses p&p	5.0 (2)	95.0 (38)	4.3	0.57
3. Jangka masa latihan perguruan program j-QAF adalah mencukupi	42.5 (17)	57.5 (23)	3.5	0.84
4. Guru j-QAF menepati masa	17.5 (7)	82.5 (33)	3.9	0.61
5. Guru j-QAF patuh kepada prosedur model/modul j-QAF	20.0 (8)	36.0 (32)	3.9	0.69
6. Guru j-QAF memberikan komitmen terhadap aktiviti institut	2.5 (1)	97.5 (39)	4.2	0.57
7. Guru j-QAF dapat menyempurnakan tugas institut mengikut tempoh waktu yang diberikan	15.0 (6)	85.0 (34)	3.5	0.57
8. Guru j-QAF yang menerima latihan di institut adalah mereka yang benar-benar berkecukupan.	15.0 (6)	85.0 (34)	4.0	0.73

STS-sangat tidak setuju, TS-tidak setuju, KS-kurang setuju, S-setuju, SS-sangat setuju

Soalan Kajian 2

Apakah tugas-tugas tambahan yang dilaksanakan oleh guru j-QAF di sekolah?

Berdasarkan keputusan dalam Jadual 4 guru pelatih bersetuju bahawa terdapat tugas-tugas tambahan yang perlu dilaksanakan. Namun tugas-tugas tersebut tidak kerap sangat dengan min item antara 1.6 hingga 3.6. Tugas tambahan yang dilaksanakan termasuklah kelas gantian dengan min item 3.6 dianggap sebagai kurang kerap. Tugas-tugas tambahan lain ialah menjaga kebersihan sekolah, menyediakan pentas bagi acara rasmi, mengawasi disiplin murid, menceriaikan bilik darjah dengan min item antara 3.1 hingga 3.3. Secara umumnya tugas-tugas menganggotai ahli

jawatankuasa yang dilaksanakan oleh guru j-QAF tidak kerap dengan min item antara 1.6 hingga 2.4.

Jadual 4 Pelaksanaan tugas-tugas Lain / tambahan program j-QAF di sekolah

Kepelbagaian Tugas di Sekolah	Jumlah (STK, TK, TP)	Jumlah (K, SK)	Min	SP
1. kelas gentian (releaf)	30.4(254)	69.5(530)	3.6	1.30
2. membuat mural	78.0(649)	22.1(185)	2.3	1.22
3. kehijauan sekolah	68.4(571)	33.6(263)	2.5	1.21
4. kebersihan sekolah	42.4(354)	57.0(480)	3.3	1.20
5. keceriaan bilik darjah	52.3(436)	47.6(398)	3.1	1.23
6. keceriaan bilik guru	58.7(389)	41.4(345)	2.7	1.30
7. mengelip kertas soalan guru lain	64.5(538)	35.5(296)	2.9	1.22
8. menyediakan peralatan untuk acara sukan sekolah	71.0(591)	29.0(343)	2.5	1.22
9. menyediakan pentas bagi sebarang acara rasmi	47.3(394)	52.8(440)	3.2	1.33
10. mengawal lalu lintas	83.7(698)	36.3(136)	2.0	1.15
11. mengawas disiplin murid	49.7(390)	53.2(444)	3.1	1.33
12. jawatankuasa PIBG	85.7(715)	14.3(119)	1.9	1.13
13. jawatankuasa komuniti	86.5(722)	13.5(112)	1.9	1.13
14. jawatankuasa surau / masjid	76.3(599)	23.7(235)	2.4	1.37
15. jawatankuasa keselamatan kampung	94.1(786)	5.8(48)	1.6	.92

STK-Sangat Tidak Kerap, TK-Tidak Kerap, TP-Tidak Pasti, K-Kerap SK-Sangat Kerap

BIBLIOGRAFI

- Adnan Yusoff (2005), Isu, masalah dan keberkesanan pelaksanaan kurikulum program j-QAF, *Kertas Kerja Kedua Mesyuarat Pelaksanaan Program j-QAF Peringkat Institut Perguruan Malaysia*. 13-14 Januari 2005, Institut Perguruan Islam Bangi.
- Ghazali Darusalam (2005), *Kajian pemantauan minggu pengurusan pelajar baru program j-QAF Institut Perguruan Islam Bangi*. Bangi: Institut Perguruan Islam.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Buku panduan: dasar, pelaksanaan dan pengurusan kurikulum j-QAF*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam Dan Moral.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Buku panduan kursus perguruan lepasan ijazah sekolah rendah mod latihan perguruan berasaskan sekolah j-QAF (KPLI SR – LPBS j-QAF)*. Kuala Lumpur : Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Kajian pelaksanaan projek rintis j-QAF satu dapatan awal*. Kuala Lumpur: Unit j-QAF, Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). Ke arah memperkasakan pendidikan Islam j-QAF, *Seminar Jawi, al-Qur'an, Bahasa Arab dan Fardu Ain Peringkat Kebangsaan*, 3 – 5 Mac 2004, Hotel Pan Pacific, KLIA Sepang.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Buku panduan j-qaf: pelaksanaan model model pengajaran dan pembelajaran dan kokurikulum*. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.Y. (1970). Determining sample size for research activities, *Educational and Psychological Measurement*, Vol. 30, Duluth: University of Minnesota.
- Likert, R. (1952). A technique for the measurement of attitude: archive of psychology, Vol.22., dalam W. James Popham (1990), *Modern Educational Measurement: A Practitioners Perspective*. New Jersey: Prentice Hall, Englewood Cliff.
- Wiersma, W. (2000). *Research in education: An introduction*. Boston: Allyn and Bacon.
- Yazit Kechik (2005). Konsep dasar dan hala tuju program j-QAF, *Kertas kerja pertama mesyuarat pelaksanaan program j-QAF peringkat Institut Perguruan Malaysia*, 13-14 Januari 2005, Institut Perguruan Islam Bangi.